

FAQ Program Transformasi Minda (PTM)

FAQ Untuk Pegawai Awam

1. Apakah Program Transformasi Minda?

*Program Transformasi Minda (PTM) diperkenalkan sebagai satu pendekatan untuk memberi pendedahan dan penyesuaian minda pegawai di peringkat awal pelantikan dalam perkhidmatan awam. PTM merupakan satu daripada **syarat pengesahan dalam perkhidmatan** yang diperkenalkan untuk **memberi pendedahan dan penyesuaian minda pegawai** di peringkat awal pelantikan dalam perkhidmatan awam.*

(Perenggan 4 PP 14/2012)

2. Siapakah yang disyaratkan untuk menduduki PTM?

***Pegawai yang disyaratkan** mengikuti PTM adalah:*

- (a) **pegawai lantikan pertama pada atau selepas 1 Januari 2013** yang berkhidmat secara tetap dalam Perkhidmatan Awam; dan*
- (b) **pegawai dalam tempoh percubaan dan belum menghadiri Kursus Induksi - Modul Umum.***

(Perenggan 6 PP 14/2012)

3. Adakah pegawai yang belum lulus Ujian Akhir Kursus Induksi perlu menghadiri PTM?

*Ya. **Mulai 1 Januari 2013**, pegawai yang belum lulus Ujian Akhir Kursus Induksi **perlu menghadiri PTM.***

(Perenggan 6 PP 14/2012)

4. Adakah pegawai yang telah mengikuti Kursus Induksi – Modul Umum tetapi keputusan belum diperolehi pada 1 Januari 2013 perlu mengikuti PTM?

***Tidak perlu** kerana pegawai telah mengikuti Kursus – Modul Umum sebelum 1 Januari 2013. Pegawai hanya perlu mengikuti PTM sekiranya beliau gagal dalam kursus yang diikuti.*

(Perenggan 6 PP 14/2012)

5. Apakah status pegawai yang telah menghadiri kursus Induksi Modul Khusus sahaja?

*Pegawai yang hanya pernah menghadiri Kursus Induksi Modul Khusus sahaja **masih dikehendaki menghadiri PTM** memandangkan pengecualian PTM hanya diberikan kepada pegawai yang telah hadir dengan jaya Kursus Induksi Modul Umum.*

(Perenggan 6 PP 14/2012)

6. Siapakah yang boleh mendapat pengecualian daripada mengikuti PTM?

*Pegawai yang boleh mendapat **pengecualian** daripada mengikuti PTM adalah:*

- (a) Pegawai telah **hadir dengan jaya PTM**; atau*
- (b) Hadir dengan jaya **Kursus Induksi - Modul Umum**; atau*
- (c) **Lulus Peperiksaan Am Kerajaan** di skim perkhidmatan terdahulu.*

(Perenggan 7 PP 14/2012)

7. Bolehkah pegawai dari kumpulan pelaksana (sokongan) yang telah dilantik ke kumpulan pengurusan dan profesional dikecualikan daripada menghadiri PTM?

*Boleh **dikecualikan** daripada menghadiri PTM **dengan syarat**:*

- (a) pegawai **telah hadir dengan jaya PTM**; atau*
- (b) **hadir dengan jaya Kursus Induksi - Modul Umum**; atau*
- (c) **lulus Peperiksaan Am Kerajaan** di skim perkhidmatan terdahulu.*

(Perenggan 7 PP 14/2012)

8. Apakah status pegawai dari Kumpulan Sokongan I dan kemudiannya dilantik ke Gred 41, adakah perlu mengikuti PTM?

Tidak perlu.** Hanya pegawai lantikan pertama sahaja yang perlu mengikuti PTM. Pegawai juga telah **mengikuti PTM pada gred terdahulu.

(Perenggan 7 PP 14/2012)

9. Siapakah yang boleh memberikan pengecualian menghadiri PTM?

Pengecualian menghadiri PTM boleh diberikan oleh **Pengurus Sumber Manusia Kementerian/Jabatan/Agensi** tanpa perlu merujuk Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

(Perenggan 8 PP 14/2012)

10. Apakah kandungan / kurikulum PTM?

PTM dibahagikan kepada **tiga segmen** iaitu:

- (a) Segmen I: **Negara dan Perkhidmatan Awam;**
- (b) Segmen II: **Tanggungjawab dan Peranan Pegawai;** dan
- (c) Segmen III: **Budaya Kerja Kelas Pertama.**

(Perenggan 9 PP 14/2012)

11. Berapa lamakah tempoh pelaksanaan PTM?

Tempoh pelaksanaan program adalah **lima (5) hari.**

(Perenggan 10 PP 14/2012)

12. Siapakah yang akan melaksanakan PTM?

PTM akan dilaksanakan oleh **Kementerian/Jabatan/Agensi** di mana pegawai bertugas.

(Perenggan 10 PP 14/2012)

13. Adakah pegawai gunasama di Kementerian/Jabatan/Agensi boleh mengikuti PTM di Kementerian/Jabatan/Agensi?

Boleh. Pegawai boleh mengikuti di **Kementerian/Jabatan/Agensi** di mana pegawai bertugas.

(Perenggan 10 PP 14/2012)

14. Apakah kaedah/aktiviti yang boleh dilaksanakan di dalam PTM?

*PTM boleh dilaksanakan **melalui pelbagai kaedah/aktiviti** seperti latihan dalam kumpulan (LDK), sesi interaktif, perbincangan kumpulan, perbincangan kes, kuiz, e-Pembelajaran, ujian psikometrik atau kaedah lain yang bersesuaian yang **dipersetujui oleh Panel Pengurusan PTM** di Kementerian/Jabatan/Agensi.*

(Perenggan 13 PP 14/2012)

15. Adakah terdapat sebarang elemen ujian atau penilaian di dalam PTM?

*Penilaian PTM dibuat secara **penilaian sepanjang program** berdasarkan kepada aktiviti dan kaedah penilaian yang ditetapkan oleh JPA menggunakan borang penilaian di Kembaran A pekeliling. Penilaian kefahaman akan dilaksanakan di akhir sesi PTM.*

(Perenggan 14 PP 14/2012)

16. Apakah kriteria yang dinilai sepanjang PTM?

*Penilaian sepanjang program dijalankan berasaskan kepada **tiga (3) kriteria** utama iaitu **disiplin dan personaliti, komitmen** serta **penilaian kefahaman**.*

*(Perenggan 3.1 Garis Panduan Penilaian Program Transformasi Minda-
Lampiran C PP 14/2012)*

17. Bolehkah pegawai yang berminat untuk mengikuti PTM memohon walaupun telah mengikuti Kursus Induksi Modul Umum dengan jayanya?

*Pegawai boleh mengemukakan **permohonan kepada Panel Pengurusan PTM di Kementerian/Jabatan/Agensi** dan tertakluk kepada persetujuan panel berkenaan untuk meluluskan permohonan berkenaan.*

(Perenggan 19 PP 14/2012)

18. Adakah pegawai perlu mengikuti semula keseluruhan PTM sekiranya beliau tidak melengkapkan PTM?

*Pegawai perlu mengulang semula **mana-mana segmen yang tidak lengkap dengan persetujuan Panel Pengurusan PTM** atas sebab-sebab yang dibenarkan.*

(Perenggan 20 PP 14/2012)

19. Adakah pegawai perlu menduduki semula penilaian kefahaman sekiranya beliau tidak melengkapkan PTM?

Situasi 1:

Sekiranya pegawai telah menduduki penilaian kefahaman tetapi tidak melengkapkan PTM maka pegawai hanya perlu mengulang semula segmen yang tidak lengkap tanpa penilaian kefahaman.

Situasi 2:

Sekiranya pegawai belum menduduki penilaian kefahaman dan tidak melengkapkan segmen maka pegawai perlu mengulangi kedua-duanya.

(Perenggan 20 PP 14/2012)

20. Apakah kesan kepada pegawai sekiranya pegawai gagal PTM?

*Pegawai yang gagal PTM disebabkan **masalah disiplin dan komitmen** tidak dibenarkan mengulang semula PTM dan boleh **ditamatkan perkhidmatannya**.*

(Perenggan 22 PP 14/2012)

21. Bolehkah pegawai yang gagal PTM mengulangi semula PTM?

*Tidak boleh. Pegawai yang **gagal PTM** tidak dibenarkan mengulang semula PTM dan boleh **ditamatkan perkhidmatannya**.*

(Perenggan 22 PP 14/2012)